

Pas sengaja cari alasan — PM

UM 21 MAR 2001
Oleh MOHD ASUKI ABAS

KUALA LUMPUR 20 Mac — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Pas sengaja mencari alasan untuk tidak bertemu dengan UMNO bagi meraih sokongan pengundi Cina

Katanya parti itu mahu menunjukkan bahawa mereka prihatin terhadap kaum lain apabila bercakap mengenai penyatuan kebangsaan ketika UMNO bercakap mengenai penyatuan Melayu

Saya tidak suka menyebut perkara ini kerana ia akan dijadikan alasan oleh Pas untuk tidak berjumpa kita (tapi) mereka memang tidak mahu berjumpa (kerana) dia ingat semua pengundi Melayu dia sudah dapat

Sekarang apa yang dia (Pas) mahu buat ialah mendapatkan pengundi Cina dan untuk itu mereka mahu gambarkan seperti UMNO ini anti Cina

Malah mereka paparkan dalam Internet jika UMNO mahu membunuh kaum Cina mereka akan mempertahankan kaum Cina (sedangkan) sejak bila kita kata kita hendak bunuh Cina? katanya

Perdana Menteri mengulas mengenai pendirian Pas yang berkeras supaya tiga prasyaratnya dipenuhi sebelum pertemuan penyatuan Melayu dengan UMNO boleh diadakan

Behau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan seminar sehari Kewibawaan Dalam Perancangan Langkah Ke Hadapan anjuran bersama Badan Pencegah Rasuah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di sini hari ini

Menurut Dr Mahathir lagi Pas menganggap semua perkara sebagai politik hingga sanggup menuduh UMNO mahu membunuh kaum Cina

Beliau bagaimanapun mengingatkan parti itu bahawa UMNO sudah lama menjalinkan kerjasama rapat dengan kaum Cina hinggakan mereka (Pas) pernah menuduh kita (UMNO) sebagai kafir

Mengenai kenyataan Presiden Pas Datuk Fadzil Noor kelmarin bahawa sebarang fatwa bagi menggugurkan penggunaan nama Islam dari parti itu akan menjejaskan pertemuan

UMNO Pas Dr Mahathir berkata Fadzil sengaja mencari alasan sahaja

Dia (Fadzil) mahu cari alasan tak nak jumpa sahaja sedangkan semalam pun saya ada jumpa dengan dia salam dengan dia dan saya tanya apa macam boleh kita jumpa kita kira yang ini sudahlah tapi dia tak mau katanya

Menurut Perdana Menteri permintaan UMNO bagi membincangkan empat perkara berkenaan hak istimewa orang Melayu yang termaktub dalam perlembagaan sepatutnya mudah dipenuhi

Kita (bagaimanapun) terbuka tak ada had masa kerana kita anggap ini penting

Kita sepatutnya dalam kes kes tertentu lupakan tentang parti dan utamakan kepentingan bersama iaitu kepentingan orang Melayu bagi mempertahankan apa yang ada dalam perlembagaan itu sahaja

Saya ingat kalau nak bercakap pasal itu lima minit pun boleh selesai tiada masalah semalam pun boleh tapi dia (Fadzil) tak mahu kata Dr Mahathir